

**PENDIDIKAN KEMAHIRAN KEUSAHAWANAN DALAM KALANGAN WANITA KETUA ISI
RUMAH LUAR BANDAR**

**Rohayu Roddin, Marina Ibrahim Mukhtar, Ahmad Esa, Sarebah Warman, Maziana Mohamed,
Anizam Mohamed Yusof, Azmanirah Ab Rahman**

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
rohayu@uthm.edu.my, marina@uthm.edu.my, ahmad@uthm.edu.my

ABSTRAK

Kertas kerja ini bertujuan untuk membincangkan potensi wanita ketua isi rumah (KIR) luar bandar ataupun dikenali sebagai ibu tunggal untuk menjadi seorang usahawan sebagai satu jalan untuk keluar dari belenggu kemiskinan. Kini, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, menyeru golongan wanita untuk berkecimpung dalam bidang perniagaan. Selain itu, kementerian ini juga bekerjasama dengan badan-badan bukan kerajaan dalam melaksanakan program peningkatan kemahiran wanita khususnya bidang keusahawanan agar mereka mampu berdikari dan menjadi usahawan yang berdaya saing pada masa hadapan. Pada masa kini, telah banyak skim latihan, bantuan dan saluran yang disediakan oleh pihak kerajaan kepada golongan ibu tunggal, Namun begitu, masih ramai lagi golongan ini tidak berjaya menjadi seorang usahawan dan masih bergantung kepada bantuan kerajaan semata-mata. Disebabkan oleh masalah ini, masih ramai golongan ibu tunggal luar bandar berada di bawah garis kemiskinan. Hasil kajian ini akan digunakan untuk mereka bentuk satu modul latihan mengikut profil dan potensi responden agar mereka mendapat latihan yang sesuai mengikut tahap kebolehan dan kefahaman mereka. Melalui modul ini akan membantu agensi latihan melaksanakan satu skim latihan kemahiran yang sesuai bagi golongan ini agar semua peringkat umur sama ada mempunyai tahap pendidikan atau tidak mampu dan berminat mengikuti latihan ini.

Kata kunci : keusahawanan, kemiskinan, modul latihan

1.0 PENGENALAN

Wanita merupakan sebahagian besar daripada populasi masyarakat Malaysia. Sumbangan besar kaum wanita kepada pembangunan negara sememangnya telah lama diiktiraf. Sebagai isteri, ibu dan anak, mereka merupakan tunggak utama dalam membentuk generasi Malaysia yang penyayang dan progresif di masa hadapan. Mengikut sumber Jabatan Perangkaan Malaysia, pada tahun 2004, 49% (12,557,700 orang) daripada keseluruhan jumlah penduduk di Malaysia terdiri daripada golongan wanita dan kira-kira 48% daripada jumlah penduduk wanita merupakan tenaga buruh (Malaysia, 2005).

Penduduk wanita bertambah pada kadar purata 2.5% daripada jumlah penduduk Negara pada tahun 2005. Wanita merupakan 48% daripada penduduk dalam kumpulan umur pekerja 15-64 tahun. Kadar penyertaan tenaga buruh wanita bertambah dray pada 44.7% pada tahun 2000 kepada 45.7% pada tahun 2005. Penglibatan wanita tertumpu pada sektor pembuatan, perdagangan borong dan runcit serta pertanian (RMK9).

Daripada 1.3 bilion penduduk yang miskin di dunia, 900 juta ialah wanita dan daripada jumlah ini 550 juta tinggal di luar bandar terutama di India dan Timur Tengah. Mereka merupakan tulang belakang buruh pertanian. Tetapi apabila berlaku kegawatan ekonomi mereka merupakan kumpulan pertama yang merasakan kesannya terutama wanita yang menjadi ketua isi rumah. Ketua isi rumah (KIR) wanita mewakili segmen dunia ketiga yang miskin. Terdapat 20 peratus rumah diketuai oleh wanita di India, 17 peratus di Costa Rica dan 40 peratus di Kenya (todaro, 2000). Ketua isi rumah wanita wujud apabila wanita bercerai mati atau bercerai hidup, ditinggalkan suami, mempunyai suami yang tidak mampu menyara keluarga kerana dipenjarakan atau wanita yang terpaksa menanggung keluarga kerana suami berhijrah secara kekal atau sementara (Nor aini, 2008). Dalam masyarakat Malaysia, golongan wanita yang telah berpisah atau kematian suami dikenali sebagai janda, balu atau pun ibu tunggal. Berdasarkan laporan bancian tahun 2000, terdapat seramai 620,389 ibu tunggal yang berbilang kaum di Negara ini. Seramai 529,701 daripadanya adalah balu dan 90,688 merupakan mereka yang bercerai hidup atau bercerai mati (Thuaibah et.al, 2004).

Fenomena ibu tunggal bukanlah sesuatu yang baru dalam masyarakat kita. Tetapi, sejak beberapa tahun kebelakangan ini, ia menjadi satu topik yang mengundang perbincangan bila kita bercakap tentang wanita dan keluarga yang mempunyai tanggungjawab untuk menyara keluarga. Baru-baru ini kita dideakah kepada bilangan ibu tunggal yang begitu ramai dan meningkat dari hari ke sehari. Sebagai pencari rezeki yang tunggal, majoriti ibu tunggal berpendapatan kecil. Sumber kewangan yang terhad menghadkan pilihan mereka. Ini tergambar dalam keadaan rumah yang sempit dan kurang selesa. Itu belum dikira keperluan lain seperti makanan dan pakaian. Ini menyebabkan golongan ini hanya mampu menikmati kualiti hidup yang rendah (Siti Fatimah, IKIM).

2.0 LATAR BELAKANG

Menurut Pelan Tindakan Pembangunan Wanita Mengikut Bidang yang dikeluarkan oleh Yayasan Pembangunan Wanita pada tahun 2003, golongan wanita yang terlibat dalam bidang perniagaan dan keusahawanan sama ada di bandar atau di luar bandar sering menghadapi masalah seperti berikut :

- i) Kurang mendapat latihan dan pendedahan tentang aspek-aspek yang berkaitan dengan keusahawanan dan perniagaan seperti pemasaran, pembangunan produk, kawalan mutu, teknologi pengeluaran yang canggih, pengurusan perniagaan, pengurusan kewangan, perniagaan import eksport,

cara-cara memohon lesen perniagaan, cara-cara membuat pinjaman, motivasi dan keyakinan diri. Masalah ini bukan sahaja dihadapi oleh wanita bandar tetapi juga wanita luar bandar yang terlibat dalam perusahaan mikro, industri kecil-kecilan yang berasaskan pertanian dan industri pelancongan tani.

- ii) Peluang yang terhad untuk mendapatkan pinjaman dan kemudahan kredit dari institusi-institusi kewangan untuk memulakan perniagaan serta untuk tujuan pengembangan perniagaan.
- iii) Sebilangan besar wanita yang terlibat dalam sektor tidak formal sama ada sebagai pekerja sendiri atau pekerja terdedah kepada eksloitasi seperti upah yang rendah serta keadaan tempat kerja yang kurang memuaskan.
- iv) Kurang pengetahuan tentang peluang perniagaan serta pelbagai skim bantuan yang disediakan oleh pelbagai agensi kerajaan seperti Kementerian Pembangunan Usahawan, Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Kementerian Belia dan Sukan dan Kementerian Pertanian.
- v) Usahawan wanita terutamanya yang terlibat dalam industri makanan dan kraf tangan kurang mendapat peluang perniagaan seperti pembekalan makanan ringan dan cenderamata ketika negara menganjurkan persidangan-persidangan, majlis-majlis sukan, mesyuarat-mesyuarat dan majlis-majlis lain yang melibatkan ramai peserta dari dalam atau luar negeri (Yayasan Pembangunan Wanita, 2000).

Di Malaysia, kemiskinan KIR wanita banyak berlaku di negeri Kelantan, Kedah dan Terengganu dan kebanyakannya mereka tinggal di luar bandar. Kadar kemiskinan keseluruhan bagi ketiga-tiga negeri tersebut pada tahun 2002 masih lagi tinggi iaitu 12.4 peratus bagi negeri Kelantan dan 10.7 peratus bagi negeri Kedah dan Terengganu. Sementara Kota Bahru, Kuala Terengganu dan Alor Setar merupakan bandar-bandar yang mempunyai paling ramai KIR wanita miskin. Kemiskinan berlaku kerana faktor-faktor bilangan tanggungan yang ramai, melakukan pekerjaan yang tidak menghasilkan pendapatan yang tinggi terutama di sektor tidak formal, tidak bekerja, tidak melakukan kerja-kerja sampingan, tingkat kemahiran dan pendidikan yang rendah dan faktor umur yang tua (Noraini, 2008).

Mengikut laporan statistik yang telah dikeluarkan oleh Rancangan Malaysia Kelapan (RM8), peratus golongan miskin di negara ini terutamanya yang tinggal di luar bandar ialah di antara 11% hingga 13% (Malaysia 2001). Walaupun peratus kemiskinan di Negara ini berada pada tahap yang rendah, usaha dan perancangan perlulah dilaksanakan untuk memastikan hasrat kerajaan mencapai kemiskinan sifar menjelang tahun 2020 terlaksana dengan jayanya. Menyedari keadaan sedemikian pihak kerajaan dan juga agensi-agensi bukan kerajaan telah melaksanakan pelbagai perancangan dan program untuk tujuan pembasmi kemiskinan. Berjuta-juta ringgit telah dibelanjakan oleh pihak-pihak yang terlibat untuk membasmi masalah kemiskinan ini. Walau bagaimanapun, fenomena dan jumlah masyarakat miskin masih lagi wujud, malah ada di antara masalah tersebut menjadi semakin serius terutamanya di era globalisasi ini (Chamhuri, 2001 dalam Mohammad Shatar Sabran, 2003).

Di Malaysia pengukuran garisan kemiskinan adalah berdasarkan ukuran mutlak, iaitu dengan membandingkan tingkat pendapatan mutlak keluarga dengan tingkat pendapatan yang diperlukan untuk menampung keperluan minimum untuk makanan, pakaian, kesihatan, pelajaran dan lain-lain keperluan sosioekonomi. Tingkat pendapatan yang diperlukan ini mengambilkira keperluan-keperluan minimum untuk makanan dan lain-lain keperluan makanan untuk menampung satu tingkat taraf hidup yang selesa (Chamhuri Siwar, 1988). Dalam Rancangan Malaysia Ketujuh, nilai Pendapatan garis Kemiskinan bagi Semenanjung Malaysia ialah RM425.00 sebulan setelah mengambil kira kos sara hidup dan keperluan asas yang meningkat (Lukman et.al, 2002).

Kadar kemiskinan di kawasan luar bandar berkurangan daripada 14.8% pada tahun 1999 kepada 11.9% pada tahun 2004. Manakala bilangan isi rumah miskin berkurangan kira-kira 32% daripada 323,200 kepada 219,700. Walaupun kadar kemiskinan dan bilangan isi rumah miskin di luar bandar berkurangan, namun kemiskinan masih ketara sebagai fenomena luar bandar iaitu 70.6% daripada isi rumah miskin tinggal di kawasan luar bandar. Kadar kemiskinan tegar di kalangan isi rumah bumiputra adalah tertinggi pada tahun 2004, iaitu 1.9% berbanding dengan 0.1 peratus bagi isi rumah Cina dan 0.3 peratus bagi isi rumah India (RMK9).

Dalam konteks perceraian atau kematian suami, wanita perlu menghadapi kehidupan bersendirian dan perlu menjalankan pelbagai peranan ketua isi rumah. Keadaan ini mungkin disukarkan lagi apabila sumber yang diwariskan adalah terhad. Kekurangan sumber kewangan menyebabkan ramai dari wanita ketua isi rumah di Malaysia tergolong dalam golongan berpendapan rendah dan miskin. Kajian di Negara barat menunjukkan bahawa wanita yang menjadi ibu tunggal sebilangan besarnya mengalami penurunan tahap ekonomi. Wanita yang bercerai yang tidak pernah bekerja, perlu mendapatkan pekerjaan untuk menampung kehidupan baru. Bagi mereka yang tidak mempunyai pengalaman kerja, kemahiran atau pencapaian pendidikan yang tinggi, sukar mendapat kerja yang baik dan sesuai bagi memenuhi keperluan kehidupan (Jariah dan Tengku Aizan, 2004). Sebagai pencari rezeki yang tunggal, sumber pendapatan mereka biasanya adalah kecil. Tambah memeritkan lagi bagi ibu-ibu yang tidak berpendidikan tinggi. Sekiranya mereka bernaafas di tengah kota besar maka mereka terpaksa menjadi penghuni di rumah-rumah setinggan untuk menjimatkan perbelanjaan (Rabiatal, 2010). Jika situasi ini dihadapi wanita yang berpendidikan dan mempunyai pekerjaan, yang baik mungkin beban yang ditanggung agak berbeza.

Selain itu terdapat juga mereka yang bercita-cita melangkah ke alam bisnes sentiasa berdepan cabaran dan masalah asas, terutama memenuhi keperluan modal memulakan perniagaan. Bagi mereka yang tiada apa-apa untuk disandarkan seperti pendapatan tetap dan stabil, simpanan dan aset yang boleh dicagarkan, mereka pasti tidak berpeluang mendapatkan pinjaman bank kerana gagal menepati syarat ketat selain beban kadar faedah tinggi. Di sinilah biasanya terdapat perangkap kemiskinan yang membelenggu golongan berpendapatan rendah dan terputus mata pencarian. Jika ini berterusan, mereka


yang pendek akal dan berputus asa terpaksa membiarkan hasrat bermula itu berkubur (Harian Metro, 2009).

Kini, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, menyeru golongan wanita untuk berkecimpung dalam bidang perniagaan. Beliau berkata usahawan wanita dalam Negara akan memperoleh banyak faedah dalam bidang perniagaan (Shyamala, 2009). Selain itu kementerian juga bekerjasama dengan badan-badan bukan kerajaan dalam melaksanakan program peningkatan kemahiran wanita khususnya bidang keusahawanan agar mereka mampu berdikari dan menjadi usahawan yang berdaya saing pada masa hadapan. Ini kerana mengusahakan perniagaan sendiri boleh dianggap jalan selamat bagi ibu tunggal untuk menampung kehidupan keluarga terutama bagi mereka yang tidak bekerja. Malah sudah terbukti ramai ibu tunggal yang mencari rezeki dengan bermula berjaya mengharungi kehidupan biarpun banyak halangan dan cabaran yang dihadapi (Thuaibah et.al, 2004).

Pada tahun 2001, Skim Khas ibu tunggal ditubuhkan oleh AIM. Ini membolehkan ibu tunggal menjalankan aktiviti yang menjanakan pendapatan dengan menjanakan akses mudah kepada mereka untuk memperoleh bantuan kewangan. Seramai 2800 ibu tunggal mendapat manfaat daripada skim ini (Malaysia, 2006). Di samping modal, faktor yang paling penting dalam menjamin kejayaan sesebuah perniagaan ialah pengetahuan dan gabungan kualiti asas keusahawanan. Seseorang usahawan itu seharusnya mempunyai ciri-ciri keusahawanan dan bijak menguasai perniagaan. Dalam erti kata lain, faktor kejayaan dan kemampuan usahawan bergantung kepada tahap pengetahuan yang dimilikinya (Nor Aini, 2008).

3.0 USAHAWAN DAN KEUSAHAWANAN

Menurut Ab Aziz (1998) Setiap individu mempunyai peluang untuk menjadi usahawan. Yang membezakan di antara usahawan dengan bukan usahawan ialah kesediaan mereka untuk mengadunkan kreativiti, inovasi, pengambilan risiko dengan kesungguhan bekerja untuk membantu, membangun dan memaksimumkan potensi diri dengan menaikkan peluang yang diperolehi.



Rajah 4.1 : Model Pembangunan Usahawan Oleh Blake-Saleh

Model ini menerangkan bahawa usahawan memulakan penceburan dengan mengenal pasti tiga perubahan kritikal terhadap persekitaran iaitu; ketidakpastian tentang pengurusan, penapisan pengetahuan dan eksploitasi terhadap perubahan persekitaran. Selepas usahawan itu mendapat idea atau peluang, maka ciri-ciri personaliti usahawan seperti suka mengambil risiko dan mewujudkan rangkaian dan kerjasama akan memotivaskan dan memandu mekanisme-mekanisme seperti inovasi, tarikan pasaran dan daya yang menyebabkan sesuatu berlaku untuk mencapai kejayaan (Nor Aishah, 2006). Jadual 4.2a di bawah menggambarkan elemen-elemen yang penting untuk setiap dimensi dalam proses pembangunan seseorang usahawan. Kesemua elemen akan berinteraksi bersama-sama untuk mewujudkan satu operasi keusahawanan yang baru. Selain itu, untuk menjadi seorang usahawan, individu juga dipengaruhi oleh faktor luaran, motivasi dan diri.

Jadual 4.1a : Elemen Dalam Rangka Kerja Model Pembangunan Usahawan

Persekutaran	Organisasi	Individu	Proses
<ul style="list-style-type: none"> - Keperluan undang-undang - Infrastruktur - Perkhidmatan sokongan - Budaya sosial - Penawaran buruh - Sumber - Populasi 	<ul style="list-style-type: none"> - Kepimpinan - Objektif - Rangkaian - Sokongan nasihat 	<ul style="list-style-type: none"> - Kemahiran - Latihan - Pendidikan - Motivasi - Pengalaman - Kepuasan kerja 	<ul style="list-style-type: none"> - Keluaran-barang atau perkhidmatan - Keputusan-benar atau salah - Keuntungan - Aktiviti pembelajaran

Sumber : Nor Aishah (2006)


Jadual 4.1b: Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Individu Untuk Menjadi Usahawan

Faktor Luaran	Faktor Motivasi	Faktor Diri
<ol style="list-style-type: none"> a. Berpindah atau berhijrah b. Diberhentikan kerja c. Tempat bekerja ditutup d. Terdapat perubahan organisasi e. Tidak mahu ditukarkan kerja ke tempat lain f. Baru berhenti kerja atau selesai belajar g. Baru bercerai h. Umur meningkat i. Dipengaruhi kawan 	<ol style="list-style-type: none"> a. Untuk menambah wang b. Untuk menjadi ketua c. Untuk merasai kebebasan d. Untuk mempunyai satu kerjaya e. Untuk dihormati f. Melihat ada peluang bermula g. Untuk mendapatkan cabaran dan kepuasan peribadi h. Kerja sebelumnya tidak menjamin kemajuan i. Perniagaan ini sesuai dengan diri j. Ada kawan memberi pinjaman wang k. Telah ada pelanggan yang menggalakkan diri untuk bermula l. Jemu dengan kerja dahulu m. Mahukan lebih keselamatan untuk keluarga 	<ol style="list-style-type: none"> a. Jantina b. Ras etnik c. Umur d. Tahap pendidikan

Sumber: Zaidatol (2004)

Kesimpulannya, didapati bahawa proses pembangunan seseorang usahawan yang sejati dipengaruhi oleh latar belakang, persekitaran, kemahiran atau ciri-ciri personaliti individu tersebut. Justeru itu, pendidikan merupakan satu elemen yang penting dalam mempengaruhi keusahawanan

seseorang. Dalam kes ibu tunggal, kebanyakkan mereka menceburkan diri dalam Industri kecil-kecilan disebabkan oleh dorongan diri bagi tujuan untuk meneruskan hidup dan mencari punca pendapatan untuk keluarga mereka. Berlandaskan kemahiran yang ada ramai antara mereka menceburkan diri dalam bidang ini melalui skim bantuan yang ada tanpa mempunyai kemahiran yang cukup dalam keusahawanan. Di sebabkan oleh faktor itu ramai antara mereka mempunyai kadar pendapatan yang rendah dan banyak dieksplotasi oleh orang tengah.



Rajah 4.2 : Model Pembangunan Usahawan Di Malaysia

Model ini telah diubah suai daripada model yang dicadangkan oleh Humam Haji Mohamed (1995). Menurut model ini individu yang bakal menjadi usahawan dipengaruhi oleh faktor latar belakang dan budaya. Secara kebiasaan mereka akan diberikan pendidikan dan latihan sama ada secara formal atau tidak dalam usaha menguasai kemahiran berniaga. Namun disebabkan budaya perniagaan yang rendah, kerajaan terpaksa memberi pelbagai sokongan dan bantuan kepada bakal-bakal usahawan ini bagi membangun dan mengembangkan potensi mereka. Menurut model ini, pihak kerajaan bukan sahaja bertindak sebagai sebuah agensi yang memberikan pelbagai perkhidmatan atau bantuan kepada usahawan, malah ia merupakan sebuah tempat perlindungan yang selamat kepada golongan usahawan.

5.0 PENDIDIKAN ANDRAGOGI (DEWASA)

Pendidikan andragogi merupakan salah satu pendidikan tidak formal. Ia merupakan pendidikan yang bersifat liberal atau terbuka yang diadakan di waktu kelapangan yang seseorang dewasa boleh memperbaiki dan meluaskan pengetahuan, kemahiran atau hobinya. Coles (1972) dlm Ibrahim (1992; 78)

mentakrifkan pendidikan dewasa sebagai pendidikan untuk orang dewasa lelaki dan perempuan bagi memenuhi keperluan dan minat yang pelbagai menurut tahap kebolehan dan kefahaman dan bagi mengisi perubahan peranan dan tanggungjawab dalam kehidupan. Dalam konteks Malaysia, pada tahun 1960-an pendidikan dewasa mempunyai objektif utama untuk membasmi buta huruf di kalangan kaum dewasa, khususnya mereka di kawasan luar bandar. Pendidikan dewasa mempunyai banyak tujuan yang antaranya seperti berikut (David 1988).

- i. Memberi peluang pada orang dewasa yang kekurangan pendidikan sekolah tinggi memperoleh kemahiran yang diperlukan supaya dapat berfungsi dengan berkesan dalam masyarakat dan pekerjaan.
- ii. Belajar untuk lulus dalam peperiksaan prestasi kerja.
- iii. Memperoleh kemahiran pekerjaan peringkat tinggi.
- iv. Memperoleh kemahiran yang diperlukan bagi menjadi ibu bapa yang baik.
- v. Mempelajari kemahiran bahasa lain sebagai bahasa kedua dan kemahiran berkomunikasi.
- vi. Menggalakkan peningkatan kesedaran dan memberi kesan pada pelbagai bentuk komunikasi dan perpaduan pada tahap keluarga, tempatan, daerah, nasional dan antarabangsa.
- vii. Menjamin kesedaran dan efektifnya orang dewasa lelaki dan wanita dalam alam pekerjaan dengan membekalkan pendidikan teknikal dan vokasional terkini serta membangunkan kebolehan mencipta, sama ada secara individu ataupun berkumpulan.
- viii. Membangunkan keupayaan atau kebolehan menyelesaikan masalah yang terlibat dalam usaha mendidik kanak-kanak.
- ix. Membangunkan sikap menggunakan masa lapang dengan kreatif bagi memperoleh sebarang pengetahuan yang diperlukan atau diingini.

Mengikut Atherton (2003); Richard (1996); Stephen (1994), Knowles membuat andaian bahawa pelajar dewasa mempunyai ciri-ciri berikut:


- i. Keperluan mengetahui (*the need to know*): Pelajar dewasa perlu mengetahui kenapa mereka perlu mempelajari sesuatu sebelum mereka mula mempelajarinya.
- ii. Konsep kendiri pelajar (*learner self-concept*): Orang dewasa perlu bertanggungjawab terhadap keputusan yang mereka buat dan dilayan sebagai orang yang berupaya untuk arah kendiri (*self-direction*).
- iii. Peranan pengalaman pelajar (*role of learners' experience*): Pelajar dewasa mempunyai pelbagai pengalaman hidup yang merupakan sumber paling kaya bagi pembelajaran.
- iv. Kesediaan untuk belajar (*readiness to learn*): Orang dewasa bersedia untuk mempelajari perkara-perkara yang mereka perlu ketahui bagi menangani dengan berkesan pelbagai situasi kehidupan.
- v. Orientasi kepada pembelajaran (*orientation to learning*): Orang dewasa bermotivasi untuk belajar jika mereka menganggap perkara itu akan membantu mereka melaksanakan tugas-tugas dalam kehidupan mereka.

Andaian-andaian tersebut bermakna reka bentuk pembelajaran bagi orang dewasa perlu mengambil kira bahawa orang dewasa perlu mengetahui mengapa mereka perlu mempelajari sesuatu, orang dewasa perlu belajar melalui pengalaman, orang dewasa melihat pembelajaran sebagai penyelesaian masalah dan orang dewasa akan belajar dengan baik apabila topik itu berguna kepada mereka (*immediate value*). Dalam erti kata praktikalnya, andragogi bermakna pengajaran bagi orang dewasa perlu memfokus lebih kepada proses dan kurang menekankan isi kandungan yang diajar. Pengajar (*instructors*) memainkan peranan sebagai fasilitator atau sumber lebih daripada pensyarah atau penilai.

Teori pembelajaran humanistik adalah salah satu daripada teori pembelajaran orang dewasa. Menurut Ee Ah Meng (2005), teori ini memberi tumpuan kepada apa yang berlaku dalam diri individu seperti perasaan atau emosinya. Pendekatan humanistik menekankan cara pemikiran, pengamatan dan interpretasi seseorang individu terhadap sesuatu peristiwa atau kejadian. Menurut ahli psikologi humanistik, Abraham Maslow menyatakan bahawa kuasa motivasi seseorang individu adalah kecenderungannya untuk berkembang dan mencapai hasrat diri (*self-actualization*). Ini bermakna setiap individu mempunyai keperluan untuk mengembangkan potensinya ke tahap yang maksimum. Manakala Carls Rogers menggunakan pendekatan mendorong klien untuk meluahkan perasaan dan interpretasi peristiwa-peristiwa yang dialaminya. Teori ini menekankan objektif berikut:


- i. Meningkatkan arah kendiri dan kebebasan pelajar.
- ii. Membantu pelajar agar lebih bertanggungjawab dalam menentukan perkara yang ingin dipelajari.
- iii. Meningkatkan daya cipta pelajar-pelajar.
- iv. Mengembangkan minat dalam bidang seni.
- v. Meningkatkan naluri ingin tahu pelajar-pelajar.

Menurut Honey dan Murnford (1986), terdapat empat jenis gaya pembelajaran seperti berikut:



Menurut Rita dan Kenneth Dunn, Implikasi gaya pembelajaran perlu dilihat. Jika pelajar tidak boleh belajar dengan berkesan mengikut satu-satu gaya, maka guru hendaklah berusaha ke arah memenuhi kehendak mereka. Justeru itu, untuk tujuan kajian pembinaan modul latihan perlulah berasaskan kepada keperluan pelajar daripada golongan ibu tunggal mengikut tahap pemahaman mereka.

Menurut Sidek dan Jamaludin (2005), modul merupakan satu unit pengajaran dan pembelajaran yang membincang sesuatu tajuk tertentu secara sistematik dan berurutan bagi memudahkan pelajar belajar sendiri supaya dapat menguasai sesuatu unit pembelajaran dengan mudah dan tepat.



Rajah 5.1 : Carta Alir Rekabentuk dan Pembangunan Modul


Sumber : G.R. Meyer, 1986

6.0 KESIMPULAN

Pada masa kini, telah banyak bantuan dan saluran yang disediakan oleh pihak kerajaan kepada golongan ibu tunggal. Namun begitu masih ramai lagi golongan ini tidak berjaya menjadi seorang usahawan dan masih bergantung kepada bantuan kerajaan semata-mata. Disebabkan oleh masalah ini, masih ramai golongan ibu tunggal luar bandar berada di bawah garis kemiskinan. Selain itu, modul

keusahawanan yang dihasilkan belum mampu untuk membangunkan semua sasaran menjadi seorang usahawan. Justeru itu, modul latihan yang sedia ada perlu dikaji semula supaya modul yang dihasilkan adalah sesuai untuk semua peringkat umur dan tahap pendidikan golongan sasaran. Ekoran itu, adalah menjadi tanggungjawab pengkaji menghasilkan satu modul yang sesuai bagi golongan sasaran terutama golongan yang mempunyai tahap pendidikan yang rendah agar mereka turut serta mendapat latihan yang sesuai mengikut tahap pemahaman mereka.

Rajah di bawah merupakan satu kerangka konsep yang boleh diaplikasikan bagi membangunkan seorang usahawan yang berjaya dari kalangan ibu tunggal.



Rajah 6.1 : Kerangka Konsep Pembangunan Usahawan Ibu Tunggal Luar Bandar

Sumber : Adaptasi Model Pembangunan Usahawan Berjaya (Tan Kim Meng, 1991)

Untuk menjadi seorang usahawan yang berjaya, seseorang ibu tunggal perlu mengenalpasti potensi yang ada pada diri mereka dan di sokong dengan faktor individu dan persekitaran agar mereka tahu kebolehan diri yang boleh dikembangkan melalui bidang keusahawanan di sokong dengan latihan yang sesuai agar mereka mampu untuk membangunkan diri dan bersaing dengan usahawan lain di sekitarnya. Justeru melalui penerapan pendidikan andragogi yang sesuai dalam modul latihan di harap akan mampu melahirkan seorang usahawan yang berjaya dalam kalangan wanita ketua isi rumah iaitu ibu tunggal sama ada yang berpendidikan atau tidak.

Rujukan

- A.B. Thuaibah@Suaibah et.al (2004), *Aktiviti Keusahawanan Di Kalangan Ibu Tunggal Di Negeri Johor*. Universiti Teknologi Malaysia.
- A. Mohd Razali dan N. S. Fashbir (1998). *Pembangunan Sosial dan Ekonomi di Malaysia*. Universiti Malaya.
- A. R. Siti Fatimah. Artikel: Ibu Tunggal: semua Pihak Lebih Bertanggungjawab. Dicapai 31 Disember 2009 dari http://www.ikim.gov.my/v5/index.php?lg=1&opt=com_article&group
- Atherton, J. S. (2003). *Learning and teaching: Knowles' andragogy*. Diperoleh daripada <http://www.dmu.ac.uk/~jamesa/learning/knowlesa.htm>.
- Brookfield, S. D. (1994). *Understanding and facilitating Adult Learning*. St Edmundsbury Press Limited.
- B. Nor Aishah (2006). *Asas Keusahawanan*. Fajar Bakti sdn. Bhd.
- Edwards R. et.al (1996). *Boundaries of Adult Learning*. Routledge: USA and Canada.
- Ee Ah Meng (2002). *Edisi Kedua: Pedagogi III*. Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Ee Ah Meng (2005). *Pengetahuan dan Ketrampilan Ikhtisas*. Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Gay, L. R. et.al (2009). *Ninth Edition :Educational Research. Competencies for Analysis and Application*. Pearson Education International.
- H. I. Nor Aini (2008), *Wanita Dan Pembangunan Ekonomi*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- K. A. Rabiatul Adawiyah. Artikel: *Perniagaan Ubah Hidup Ibu Tunggal*. Dicapai 11 Disember 2009 dari http://www.sisterinislam.org.my/index.php?option=com_content&task=view&id
- L. P. Zaidatol Akmaliah, E. Habibah (2004). *Keusahawanan dan Motivasi Diri*. Universiti Putra Malaysia.
- Minda: *Usahawan Ibu Tunggal*. Dicapai 31 Disember 2009 dari <http://www.hmetro.com.my/myMetro/articles/Minda-Usahawan-ibu-tunggal/article>
- Rancangan Malaysia Kesembilan. Dicapai 20 Disember 2010 dari <http://www.utusan.com.my/utusan/SpecialCoverage/RMK9/bahasa/Bab13.pdf>
- R. K. Shyamala (2009). Artikel: *Shahrizat Seru Golongan Wanita Teroka Keusahawanan*. Dicapai 10 Disember 2009 dari http://mstar.com.my/berita/cerita.asp?file=/2009/11/30/mstar_berita
- S. Chamhuri (1988). *Isu-Isu Ekonomi*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- S. Chamhuri dan H. I. Nor Aini (1996). *Kemiskinan dalam Arus Pembangunan Ekonomi Malaysia*. Universiti kebangsaan Malaysia.
- S. Mohammad Shatar (2003). *Model Pembangunan Komuniti*. Journal Social Science and Human. 11 (2):135-145.
- Y. Ab. Aziz (1998). *Asas-asas Keusahawanan*, Prentice hall.